Hospital
Al-Sultan Abdullah

# ‘BREAK THE SILENCE’



# NADA TUTUR

## E-BULETIN

ISU 01 • MEI 2024

BULAN PERTUTURAN-BAHASA DAN PENDENGARAN NASIONAL

# ISI KANDUNGAN


SIDANG EDITOR.....3

PRAKATA: PENASIHAT & PENYELARAS.....4-6

LATAR BELAKANG:
BULAN PERTUTURAN-BAHASA DAN PENDENGARAN NASIONAL.....7

LATAR BELAKANG:
SAMBUTAN BULAN PERTUTURAN-BAHASA
DAN PENDENGARAN NASIONAL DI HASA.....8

PENGENALAN:
PERKHIDMATAN PEMULIHAN PERTUTURAN,
HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH UITM.....9

PENGENALAN: PERKHIDMATAN AUDIOLOGI,
HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH UITM.....10

MINDA PAKAR: BERKOMUNIKASI DENGAN LEBIH BAIK MENGGUNAKAN
TEKNOLOGI TERKINI DALAM PERAWATAN PESAKIT SELEPAS STROK.....11-12

MINDA PAKAR: KEPENTINGAN PEMERIKSAAN DAN RAWATAN
KESUKARAN PENDENGARAN DALAM KALANGAN ORANG DEWASA.....13

SUDUT PROFESIONAL: KEPERLUAN TERAPI BAGI INDIVIDU DEWASA
DENGAN KESUKARAN KOMUNIKASI.....14

SUDUT PROFESIONAL: MASALAH PENDENGARAN DAN SOLUSINYA.....15

CAKNA MINDA: ITU DAN INI.....16

CAKNA MINDA: MITOS DAN FAKTA.....17

RUJUKAN.....18-19

PENGHARGAAN.....20

# SIDANG EDITOR

**PENAUNG**
PROF. DR MOHD ZAMRIN DIMON

**PENASIHAT**
PROF. DR. MASAANY MANSOR
DR. NOR FARIDAH AHMAD ROSLAN

**PENYELARAS**
NUR FARAH FARHANA JAMIL

**KETUA EDITOR**
NORA NOORDIN

**EDITOR EKSEKUTIF**
SHAFIAH ROSLI

**EDITOR**
NUR HAMIZAH MOHD RADZI
NABIHAH ISMAIL

**GRAFIK**
NURHIDAYAH YAKOB
NABIHAH ISMAIL
NUR ANNISA ROHAYA MD ZAKARIA BHUIYAN

**FOTO**
NURUL SHAFIKA MD IDROS
NIK FARHAN NIK ZAMAKHSHARI
ABDUL QAHHAR MUZAKKAR AZIZ
MOHD ARIFF IQBAL MOKHTAR

**MULTIMEDIA DAN DOKUMENTASI**
NURSYAZA LIYANA MOHD ZAMRI
NUR AIN NABILA MUHAMMAD GHAZALI

**IDEA, KONSEP DAN TERBITAN**
JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT
HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PUNCAK ALAM

**Terima kasih kepada semua pihak yang menyalurkan maklumat untuk diterbitkan dalam buletin.**

# PRAKATA
## PENASIHAT 1

Assalamualaikum W.B.T
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

*World Health Organization* (WHO) menganggarkan 50% kes masalah pendengaran boleh dielakkan jika wujud kesedaran yang membolehkan masalah ini dikenal pasti di peringkat awal dan ilmu cara menjaga telinga supaya tiada pendedahan kepada perkara yang merosakkan pendengaran.

Menurut laporan WHO, seramai 1.5 billion orang iaitu hampir 20% populasi dunia mengalami masalah pendengaran. Dari jumlah ini, 430 juta dikenal pasti mempunyai masalah pendengaran hingga mengganggu fungsi harian dan menyebabkan ketidakupayaan. Jumlah ini dijangka akan bertambah kepada 700 juta orang pada tahun 2050.

Masalah pendengaran dan pertuturan dapat membawa kesan yang negatif kepada individu, masyarakat dan negara secara keseluruhannya. Kesedaran tentang wujudnya masalah ini, serta ilmu penjagaan dan rawatan yang boleh diberikan bagi mengatasinya perlulah disebarkan kepada masyarakat umum. Di samping itu, pengesanan, rujukan dan rawatan di peringkat awal mungkin dapat memulihkan atau mengurangkan morbiditi pesakit yang mempunyai masalah ini.

Akhir sekali saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Unit Pemulihan Pertuturan, Jabatan Perubatan Pemulihan, Unit Audiologi, Jabatan Otorinolaringologi - Pembedahan Kepala & Leher, semua kumpulan kerja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyumbang idea, masa dan tenaga menjayakan program Bulan Pertuturan-Bahasa dan Pendengaran Nasional di Hospital Al-Sultan Abdullah.

**اوسها، تقوى، مولیا**
**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**Prof. Dr. Masaany Mansor**
Ketua Jabatan
Jabatan *Otorhinolaryngology Head and Neck Surgery* (ORL-HNS)
Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) UiTM

# PRAKATA
## PENASIHAT 2

Assalamualaikum W.B.T
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Segala pujian dipanjatkan kepada Allah S.W.T dengan izin-Nya, Bulan Pertuturan-Bahasa dan Pendengaran Nasional buat pertama kalinya berjaya disambut di Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM.

Program ini bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat setempat mengenai dua punca utama yang akan mengganggu komunikasi seseorang individu iaitu masalah pendengaran dan masalah kecelaruan pertuturan-komunikasi. Ini merupakan program yang dirancang untuk memberikan pendedahan mengenai punca, saringan awal, penilaian klinikal oleh pakar dan intervensi yang sesuai untuk kedua-dua masalah yang berkaitan. Saya amat yakin program sebegini dapat memberi nilai tambah dan pengetahuan kepada masyarakat untuk lebih peka dan cakna mengenai isu yang diutarakan.

Sekalung penghargaan dan tahniah kepada Unit Pemulihan Pertuturan, Jabatan Perubatan Pemulihan dan Unit Audiologi, Jabatan Otorinolaringologi - Pembedahan Kepala & Leher kerana berusaha sedaya mungkin menjayakan Bulan Pertuturan-Bahasa dan Pendengaran Nasional yang juga disambut di peringkat kebangsaan dan dunia. Semoga kolaborasi ini berterusan demi manfaat bersama.

**اوسها، تقوى، موليا**
**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**Dr. Nor Faridah Ahmad Roslan**
Ketua Jabatan
Jabatan Perubatan Pemulihan
Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) UiTM

# PRAKATA
## PENYELARAS

Assalamualaikum W.B.T
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada seluruh warga Jabatan Perubatan Pemulihan dan Jabatan Otorinolaringologi - Pembedahan Kepala & Leher, umumnya serta Ahli Terapi Pertuturan-Bahasa dan Ahli Audiologi dari Unit Pemulihan Pertuturan dan Unit Audiologi, Hospital Al-Sultan Abdullah, khususnya atas kejayaan menerbitkan e-Buletin Nada Tutur, Bil 01, Mei 2024.

Penerbitan ini sekaligus mencerminkan kesungguhan dan dedikasi pihak hospital untuk menyampaikan ilmu pengetahuan bukan sahaja kepada warga UiTM, para pelajar, pesakit dan penjaga tetapi juga kepada seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan kaum. Hal ini selaras dengan nilai sinergi UiTM agar kerjasama rapat dalam memaksimumkan produktiviti dijalinkan untuk memberikan manfaat kepada industri dan masyarakat.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang idea, masa dan tenaga sama ada secara langsung dan tidak langsung kepada penerbitan e-Buletin ini. Diharapkan usaha ini dapat dijadikan contoh dan pemangkin semangat kepada ahli profesion kesihatan bersekutu di bawah Skim Perkhidmatan Pegawai Pemulihan Perubatan UiTM untuk turut sama menyumbang dalam menerbitkan penulisan/karya ilmiah pada masa akan datang.

**اوسها، تقوى، موليا**
**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**Nur Farah Farhana Jamil**
Ketua Skim Perkhidmatan
Pegawai Pemulihan Perubatan
Universiti Teknologi MARA

# LATAR BELAKANG

## BULAN PERTUTURAN-BAHASA DAN PENDENGARAN NASIONAL

Perkhidmatan pemulihan pertuturan-bahasa dan juga pendengaran telah diperkenalkan sejak tahun 1960-an oleh *American Peace Corps. and British Voluntary Service*. Kemudiannya, Persatuan Pertuturan Bahasa dan Pendengaran Malaysia (MASH) ditubuhkan pada 1995. Penubuhan ini diikuti dengan Persatuan Patologis Pertuturan-Bahasa, Malaysia (SPEAK) dan Persatuan Audiologis Kebangsaan Malaysia (MANSA) pada tahun 2010

*Better Hearing and Speech Month* (BHSM) merupakan bulan peristiwa yang diperkenalkan pada tahun 1927 oleh *American Speech-Language-Hearing Association* (ASHA) yang kemudiannya dikembangkan ke negara luar termasuk Malaysia. Kini, pihak ASHA bersama *National Association for Hearing and Speech Action* (NAHSA) telah menamakan semula BHSM kepada **Bulan Pertuturan-Bahasa dan Pendengaran National (*National Speech-Language-Hearing Month*)**. Nama baharu ini diangkat dengan menggantikan frasa 'lebih baik' (*better*) agar nama sambutan ini bersifat inklusif dan sesuai untuk diraikan oleh semua golongan yang menghadapi cabaran pertuturan, bahasa dan pendengaran tanpa mengira prognosis pemulihan yang pelbagai. Selain itu, nama baharu ini merupakan antara nama alternatif yang lebih ringkas dan mudah diingati serta mesra media. Oleh yang demikian, nama baharu ini disokong dan turut diguna pakai oleh persatuan di Malaysia.

Objektif sambutan Bulan Pertuturan, Bahasa dan Pendengaran Nasional adalah untuk meningkatkan kesedaran komuniti akan masalah pendengaran dan kecelaruan komunikasi, serta kepentingan proses intervensi untuk meningkatkan kebolehan komunikasi serta kualiti hidup individu yang terlibat. Di Amerika, entiti terkemuka seperti Kongres Amerika Syarikat, Rumah Putih, kerajaan negeri, Institut Kesihatan Nasional, Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC), dan lain-lain telah mengiktiraf dan mempromosikan bulan peristiwa ini. Hasilnya, sambutan ini telah menerima pengiktirafan anugerah platinum dan emas daripada pelbagai program anugerah pemasaran nasional, perhubungan awam dan persatuan.

Lazimnya setiap tahun, pelbagai bentuk aktiviti akan disusun termasuk lawatan media, pengumuman perkhidmatan awam, kempen digital serta perkongsian maklumat dan sumber yang boleh dimuat turun oleh orang ramai dan ahli profesional. Malaysia sebagai, salah sebuah negara yang membangun turut tidak terkecuali dalam sama-sama menyambutnya bulan istimewa ini dengan matlamat untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia akan kepentingan sambutan ini dan impaknya terhadap masa depan negara.

(a) (b) (c)

*Rajah 1: (a) Logo Malaysian Association of Speech-Language and Hearing (MASH); (b) Logo Persatuan Patologis Pertuturan-Bahasa Malaysia (SPEAK); (c) Persatuan Audiologis Kebangsaan Malaysia (MANSA)*

Penulis:
**NUR NAZIHAH HAZIZI**
Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan)
Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) UiTM

# LATAR BELAKANG

## BULAN PERTUTURAN-BAHASA DAN PENDENGARAN NASIONAL

Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) UiTM buat julung kalinya menyambut Bulan Pertuturan, Bahasa dan Pendengaran Nasional dengan kolaborasi penganjuran antara Unit Pemulihan Pertuturan, Jabatan Perubatan Pemulihan dan Unit Audiologi, Jabatan Otolaringologi - Pembedahan Kepala dan Leher, HASA. Matlamat utama sambutan ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan individu terutamanya kepada pesakit dan penjaga di HASA mengenai kecelaruan pertuturan, bahasa dan pendengaran serta langkah-langkah menanganinya. Oleh yang demikian, sambutan ini dijadikan platform perkongsian ilmiah daripada pakar dan ahli terapi sekaligus mewujudkan jalinan kerjasama dengan badan komuniti masyarakat yang berkaitan.

(a)

(b)

(c)

*Rajah 2: (a) Program Fri-Date Talk 'Jom Cakna Pendengaran & Pertuturan Anak'; (b) Program Taklimat UNHS HASA; (c) Program Pameran Minggu Better Hearing & Speech - Early Intervention Matters*

Tema sambutan kali ini ialah '*Break the Silence*'. Tema ini dipilih agar masyarakat dapat menghayati dan memahami bahawa cabaran pertuturan, bahasa dan pendengaran yang dihadapi oleh seseorang individu tidak membataskan mereka untuk menzahirkan pendapat, perasaan, pilihan dan ketidakpuasan hati. Untuk itu, pelbagai aktiviti dirancang termasuk Pertandingan Mencipta Logo Bulan Pertuturan, Bahasa dan Pendengaran Nasional 2024, forum ilmiah yang membariskan pakar, ahli terapi, badan swasta dan organisasi bukan berkepentingan bertajuk 'Sokongan Profesional dan Komuniti bagi Individu Dewasa dengan Kesukaran Pendengaran dan Komunikasi', saringan pendengaran percuma khusus buat warga HASA, paparan audiovisual dengan konten ilmiah yang dimuat naik di media sosial rasmi HASA serta penerbitan **E-Buletin Nada Tutur Edisi Pertama** ini.

*Rajah 3: Pesakit menjalani terapi meningkatkan kebolehan menamakan barang secara berkumpulan bersama terapis pertuturan dan penjaga pesakit di Jabatan Perubatan Pemulihan, HASA*

Inisiatif ini akan diteruskan pada tahun-tahun berikut agar HASA dapat menyumbang kepada peningkatan tahap kesedaran masyarakat terhadap isu dan ilmu berasaskan bukti berkaitan kesukaran pertuturan, bahasa dan pendengaran di Malaysia.

Penulis:
**SHAFIAH ROSLI**
Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan)
Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) UiTM

# PENGENALAN:
## PERKHIDMATAN PEMULIHAN PERTUTURAN, HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH (HASA) UiTM

Perkhidmatan Pemulihan Pertuturan di Fakulti Perubatan Sungai Buloh bermula pada Oktober 2011 dengan lantikan pertama Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan), Puan Nur Farah Farhana binti Jamil. Di awal perkhidmatan, beliau ditempatkan di Jabatan Rehabilitasi, Hospital Sungai Buloh untuk menjalani latihan klinikal. Pada pertengahan tahun 2012, perkhidmatan klinik pesakit luar dibuka di *Clinical Training Centre* (CTC), UiTM Sungai Buloh dan dimulakan dengan perkhidmatan pesakit dewasa sahaja.

Sekitar awal tahun 2013, perkhidmatan klinik pesakit luar diperluas kepada pesakit kanak-kanak. Apabila wad-wad di CTC dibuka dan seterusnya dinaik taraf pada 2016 kepada Pusat Pakar Perubatan UiTM, perkhidmatannya terus diperluaskan dengan penilaian dan intervensi untuk kes rujukan pesakit dalam.

Beliau meneruskan penyampaian perkhidmatan secara tunggal sehinggalah pada tahun 2021, seorang pegawai baharu dilantik dan barulah Unit Pemulihan Pertuturan, Hospital Al-Sultan Abdullah diwujudkan. Kini, Unit Pemulihan Pertuturan beroperasi sepenuhnya dengan lima orang pegawai, di mana penambahan dua orang pegawai berlaku pada tahun 2023, dan seorang lagi pada tahun 2024.

*Rajah 4: Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan) di HASA*

Perkhidmatan klinik pesakit luar hanya ditawarkan di Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM Puncak Alam manakala bagi perkhidmatan di Pusat Pakar Perubatan UiTM, Kampus Perubatan Sungai Buloh masih diteruskan mengikut jadual pergerakan bergilir untuk rujukan kes pesakit dalam.

Perkhidmatan Unit Pemulihan Pertuturan meliputi penilaian dan intervensi bagi pesakit di semua peringkat umur termasuk (1) masalah bahasa dan pertuturan; (2) masalah suara; (3) masalah penelanan (*swallowing*); penyusuan, pemakanan (*feeding*); dan juga (4) masalah komunikasi yang boleh berpunca dari pelbagai faktor dan diagnosis kesihatan.

Penulis:
**NUR FARAH FARHANA JAMIL**
Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan)
Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) UiTM

# PENGENALAN:
## PERKHIDMATAN PEMULIHAN AUDIOLOGI, HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH (HASA) UiTM

Perkhidmatan Audiologi telah diwujudkan pada tahun 2021 di bawah Jabatan Otorinolaringologi Pembedahan Kepala dan Leher, Hospital Al-Sultan Abdullah. Perkhidmatan Audiologi dijalankan bermula pada Julai 2021 dengan hanya lantikan seorang Pegawai Pemulihan Perubatan (Pendengaran) dan kemudiannya, mendapat penambahan seorang lagi pegawai pada tahun 2023.

*Rajah 5: Pegawai Pemulihan Perubatan (Pendengaran) di HASA*

Unit Audiologi menyediakan perkhidmatan menyeluruh termasuk pesakit luar dan rawatan pesakit dalam seawal bayi yang baru lahir hingga ke pesakit warga emas. Perkhidmatan audiologi merangkumi pengesanan awal masalah pendengaran bayi, ujian pendengaran diagnostik bagi kanak-kanak serta dewasa, rehabilitasi pendengaran dan juga ujian keseimbangan.

*Rajah 6: Penilaian pendengaran yang dijalankan di Unit Audiologi, HASA*

Penulis:
**Nursyaza Liyana Mohd Zamri**
Pegawai Pemulihan Perubatan (Pendengaran)
Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) UiTM

## BERKOMUNIKASI DENGAN LEBIH BAIK MENGGUNAKAN TEKNOLOGI TERKINI DALAM PERAWATAN PESAKIT SELEPAS STROK

Penyakit strok atau angin ahmar merupakan antara penyebab utama kematian dan ketidakupayaan di Malaysia. Strok berlaku disebabkan saluran darah ke bahagian otak yang menyempit, seterusnya menghalang bekalan oksigen sampai ke sel-sel otak. Adalah dianggarkan 1/3 daripada pesakit strok berpotensi mendapat masalah pertuturan dan komunikasi.

Kebiasaannya, antara simptom awal semasa serangan strok adalah sebutan pertuturan akan mula berubah sehingga menyebabkan saudara atau rakan terdekat kurang faham apa yang dipertuturkan. Walau bagaimanapun, sekiranya bahagian otak yang terjejas melibatkan kawasan pertuturan dan bahasa yang lebih besar, pesakit berkemungkinan mendapat afasia, iaitu salah satu masalah kecelaruan pertuturan disebabkan kecederaan di otak.

Afasia adalah penyakit yang mengganggu masalah komunikasi dan bahasa disebabkan kecederaan yang berlaku di kawasan tertentu di bahagian otak. Kawasan utama di otak yang melibatkan pertuturan dan bahasa terletak di lobus hadapan (*frontal lobe*) dan lobus temporal (*temporal lobe*). Di lobus hadapan bahagian bawah yang dikenali sebagai Broca merupakan kawasan yang mengkoordinasi pertuturan. Di lobus temporal bahagian atas yang dikenal sebagai Wernicke merupakan kawasan yang mengendalikan kefahaman pertuturan.

Afasia boleh dikategorikan kepada beberapa jenis yang utama iaitu (1) afasia Broca; (2) afasia Wernicke; dan (3) afasia Global. Afasia Broca akan menyebabkan pesakit tersebut memahami apa yang dipertuturkan, tetapi mempunyai kesukaran dalam kefasihan bercakap, kesukaran dalam menyebut perkataan dengan betul dan tepat.

Individu yang lebih teruk tidak dapat mengeluarkan bunyi atau hanya boleh mengeluarkan satu bunyi dalam sesuatu masa. Memandangkan pesakit ini memahami pertuturan yang disampaikan oleh orang lain, tetapi gagal memberikan respon yang baik akibat kecederaan di bahagian Broca, potensi untuk pesakit mendapat tekanan emosi juga adalah tinggi.

Afasia Wernicke akan menyebabkan pesakit tidak memahami apa yang didengar, walaupun struktur pendengaran pesakit adalah sempurna. Bagi memberikan respon tentang apa yang didengari, pesakit akan bertutur dengan lancar, tetapi konteks ayat mungkin tidak mencapai maksud. Manakala Afasia Global merujuk kepada masalah yang lebih teruk di mana kawasan otak yang lebih luas terjejas. Aspek pemahaman dan kefasihan dalam pertuturan terganggu. Individu dilihat lebih berada di dalam dunianya sendiri. Keadaan ini menyebabkan pesakit memerlukan sepenuh bantuan dari penjaga dalam kebanyakan aktiviti seharian.

## *Transcranial Direct Stimulation*

Sejajar dengan kemajuan sains dan teknologi dalam bidang pemulihan, antara teknologi terkini yang berpotensi membantu pemulihan dari segi pertuturan selepas strok ialah penggunaan teknik stimulasi otak bukan invasif. Teknik ini merupakan salah satu teknik yang diguna pakai di beberapa buah hospital terrier di Malaysia untuk merawat beberapa jenis penyakit. Salah satu alat yang digunakan dipanggil sebagai *Transcranial Direct Stimulation* (tCDS). Alat ini menggunakan stimulasi arus elektrik yang rendah dan berterusan untuk memodulasi proses yang berlaku di dalam saraf otak dengan merangsang proses adaptasi yang dinamakan *neuroplasticity*. Kaedah ini adalah selamat dan hanya mempunyai komplikasi yang ringan. Stimulasi otak dengan menggunakan tCDS ini akan dibuat bersama dengan terapi pertuturan untuk mendapat kesan yang lebih baik. Pesakit perlu melalui beberapa sesi stimulasi dan terapi bagi membolehkan otak mendapat rangsangan yang optimum, bagi mempercepatkan proses pemulihan.

Di Hospital Al-Sultan Abdullah, rawatan menggunakan tCDS telah dijalankan sejak tahun 2010 lagi. Kebanyakan pesakit yang melalui kaedah rawatan ini mendapat manfaat yang baik, di mana proses percakapan menjadi lebih lancar dan teratur. Walau bagaimanapun, sebelum memutuskan seseorang pesakit layak mendapat rawatan tCDS, pesakit perlu melalui penilaian menyeluruh dari pakar yang terlibat.

Banyak penyelidikan yang sedang dan telah dijalankan menggunakan teknologi tCDS ini, menunjukkan kesan yang positif kepada pesakit strok yang mempunyai masalah pertuturan. Matlamat yang lebih utama untuk pesakit strok ialah untuk membolehkan seseorang berkomunikasi dengan lebih efektif dan menjalani kehidupan dengan lebih baik dan berkualiti.

(a)




(b)

(c)



*Rajah 7: (a) Transcranial Direct Stimulation (tCDS); (b) Pesakit menjalankan sesi terapi pertuturan bersama dengan terapis pertuturan; (c) Pesakit menggunakan Transcranial Direct Stimulation*

Penulis:
**DR. NOR FARIDAH AHMAD ROSLAN**
Pensyarah Perubatan & Pakar Klinikal
Jabatan Perubatan Pemulihan
Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) UiTM

# KEPENTINGAN PEMERIKSAAN DAN RAWATAN KESUKARAN PENDENGARAN DALAM KALANGAN ORANG DEWASA

Pendengaran berkurangan, masalah pendengaran atau pekak boleh berlaku kepada sesiapa sahaja, tua atau muda termasuklah bayi yang baru lahir. Masalah pendengaran terbahagi kepada tiga jenis, iaitu masalah penyampaian bunyi konduktif, saraf (*sensorineural*) atau kedua-duanya (*mixed hearing loss*).

Memetik laporan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), **lebih 27,000 rakyat Malaysia** dikesan mengalami masalah pendengaran pada tahun 2022. Menurut statistik kelulusan Tabung Bantuan Perubatan pada Januari-Jun 2023, perkhidmatan Otorinolaringologi mencatatkan kedudukan ketiga tertinggi iaitu sebanyak 14.3 peratus (232 kelulusan) selepas perkhidmatan Kardiologi dan Ortopedik. Kelulusan ini melibatkan alat bantuan pendengaran jenis konvensional dan implant bernilai RM1.58 juta. Program Peka B40 yang mula diperkenalkan pada 2019 menunjukkan permohonan pembiayaan alat bantuan pendengaran meningkat setiap tahun di mana sehingga September 2023, sebanyak 16, 468 permohonan telah dibuat dan kelulusan melibatkan 11, 809 orang penerima manfaat. Jumlah ini mungkin kurang dari jumlah sebenar, kerana masih ada segelintir masyarakat yang tidak prihatin terhadap masalah pendengaran dan impak terhadap mereka.

Masalah pendengaran berpotensi untuk memberi impak negatif terhadap pelbagai aspek kehidupan, termasuk sosio-ekonomi, psikologi, emosi dan keselamatan diri. Bagi orang dewasa, masalah pendengaran boleh menyebabkan mereka berada di dalam keadaan **isolasi sosial** terutamanya apabila berada bersama keluarga atau rakan kerana tidak dapat turut sama menyertai perbualan yang berlangsung. Salah faham mudah berlaku termasuk ketika menerima rawatan perubatan disebabkan oleh masalah pendengaran dan salah faham komunikasi. Orang sekeliling juga kurang berminat untuk berbicara dengan mereka kerana perlu menguatkan suara lantas menyebabkan *voice strain* bagi mereka.

Dari segi sosio-ekonomik, masalah pendengaran boleh menjadi penghalang, atau *limiting factor* untuk individu memenuhi potensi pendapatan (*earning potential*) mereka, kerana masalah pendengaran yang tidak direhabilitasi boleh menjejaskan prestasi atau menghadkan skop kerja.

Kajian rawak terhadap pekerja di Malaysia pada 2017 terutama sektor perkilangan menunjukkan 73.3 peratus pekerja mengalami pekak dengan 23.3 peratus dengan kesukaran mendengar. Pekerja lelaki berisiko lebih dengan 63 peratus berbanding pekerja wanita hanya 36 peratus. Rentetan itu, pengesanan dan intervensi awal dijalankan dan menunjukkan hasil pada penurunan statistik 'Penyakit Pekak akibat Kebisingan Pekerjaan' yang disiasat oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia dari 2480 tahun 2017 ke 1154 tahun 2020.

Oleh itu, amatlah penting bagi mereka yang menghidap masalah pendengaran untuk mendapatkan rawatan sewajarnya. Contohnya melalui program saringan pendengaran, diikuti dengan ujian pendengaran yang lebih terperinci, serta pemeriksaan oleh doktor pakar perubatan Otorinolaringologi - Pembedahan Kepala dan Leher (ORL-HNS). Rawatan yang sewajarnya dan holistik akan dikendalikan oleh Pegawai Audiologi, pakar ORL-HNS, dan juga terapis pertuturan.

Penulis:
**DR. NIK MOHD HAZLEIGH & DR. AZRINA AHMAD**
Pensyarah Perubatan & Pakar Klinikal
Jabatan Otorinolaringologi - Pembedahan Kepala & Leher
Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) UiTM

# KEPERLUAN TERAPI BAGI INDIVIDU DEWASA DENGAN KESUKARAN KOMUNIKASI

Terapis bahasa dan pertuturan adalah pakar dalam diagnosis dan rawatan pelbagai kecelaruan pertuturan, bahasa, komunikasi dan menelan. Pertuturan, bahasa, komunikasi dan kesukaran menelan boleh menjejaskan semua peringkat umur. Kanak-kanak yang mengalami keadaan seperti sindrom down, *cerebral palsy*, masalah pembelajaran, gangguan pendengaran, sumbing bibir dan lelangit, dan gangguan spektrum autisme sering bergelut dengan cabaran dalam bidang ini. Begitu juga, orang dewasa boleh mengalami masalah pertuturan, bahasa, komunikasi, dan menelan akibat strok, kecederaan otak, atau proses penuaan semula jadi.

Menurut mantan Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa, pada tahun 2023, Kementerian Kesihatan (KKM) hanya menggaji 156 terapis bahasa dan pertuturan dalam sektor awam. Ini mewakili nisbah seorang ahli terapi bagi setiap 209,615 orang di negara ini berbanding Amerika Syarikat, yang mempunyai nisbah 57.7 ahli terapi bagi setiap 100,000 orang pada 2021. Bilangan ahli terapi dalam sektor swasta tidak diketahui.

Komunikasi adalah proses aktif pertukaran maklumat dan idea. Komunikasi melibatkan pemahaman dan ekspresi (lisan/bukan lisan). Ekspresi termasuk pergerakan tubuh, gerak isyarat, objek, penyuaraan, pengucapan kata, tanda, imej, simbol, perkataan bercetak dan komunikasi gantian dan bantuan (KGB).

Untuk lebih memahami proses komunikasi, kita boleh membahagikan kepada beberapa komponen penting iaitu kandungan (apakah yang ingin disampaikan?), penghantar (mesej disampaikan oleh siapa?), bentuk (apakah bentuk mesejnya?), saluran (apakah medium perantaranya?), penerima (mesej disampaikan kepada siapa?) dan tujuan.

Kecelaruan komunikasi akan berlaku apabila mana-mana komponen di dalam proses komunikasi terjejas dan ianya boleh terjadi dalam kalangan dewasa (gangguan komunikasi diperoleh).

Gangguan pada pemahaman dan sebutan bahasa termasuk (1) pergerakan otot pertuturan (gangguan pertuturan); (2) kelancaran pertuturan (gangguan kelancaran pertuturan); (3) pembentukan suara dalam laring (kecelaruan suara); dan (4) pendengaran (masalah pendengaran).

Sesetengah kecelaruan komunikasi boleh sembuh secara spontan (contohnya; masalah gagap dalam kalangan kanak-kanak), ada yang berkemungkinan kekal statik (contohnya; pengeluaran suara *alaryngeal* pada orang yang membuang laring melalui pembedahan), manakala yang lain mungkin bertambah teruk dari semasa ke semasa (contohnya; gangguan pertuturan akinat demensia).

Kecelaruan komunikasi boleh berpunca daripada kecederaan otak, berikutan strok, trauma kepala, tumor otak atau penyakit neurodegeneratif seperti penyakit Parkinson. Antara diagnosis kecelaruan komunikasi yang biasa; (1) Afasia iaitu gangguan bahasa yang diperolehi yang boleh mengakibatkan cabaran dengan ujaran lisan (iaitu mencari perkataan yang betul untuk disebut) dan memahami arahan, perbualan, membaca, menulis dan/atau ejaan. (2) Gangguan komunikasi kognitif boleh mengakibatkan cabaran untuk memahami dan mengetahui perkataan atau bahasa yang sesuai untuk diucapkan dalam keadaan yang berbeza. (3) Disartria dan (4) apraksia adalah gangguan pertuturan yang boleh menjejaskan kejelasan pertuturan seseorang.

Setiap gangguan komunikasi ini boleh bersifat ringan, sederhana atau teruk dan boleh ditangani dengan berkesan oleh terapis bahasa dan pertuturan yang bertauliah.

Penulis:
**NUR FARAH FARHANA JAMIL**
Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan)
Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) UiTM

# MASALAH PENDENGARAN DAN SOLUSINYA

Kajian menunjukkan golongan yang berusia 60 tahun ke atas lebih cenderung menghadapi masalah pendengaran yang boleh yang menjejaskan kualiti hidup dan komunikasi seharian. Sebanyak 80% daripada golongan yang mempunyai masalah pendengaran ini datang daripada populasi negara berpendapatan rendah dan sederhana.

Masalah pendengaran tidak semestinya berlaku jika orang lain perlu menjerit apabila bercakap dengan anda kerana ada beberapa tahap masalah pendengaran daripada ringan, sederhana, teruk hingga ke sangat teruk. Setiap tahap mempunyai simptom yang berlainan mengikut individu.

Saringan pendengaran merupakan salah satu cara untuk mengesan masalah pendengaran pada peringkat awal. Terdapat beberapa tanda untuk mengetahui bahawa seseorang itu memerlukan saringan atau ujian pendengaran. Antaranya ialah (1) individu yang mempunyai kesukaran memahami pertuturan orang sekeliling terutamanya ketika berada di tempat bising; (2) orang tua yang sentiasa meminta untuk diulang percakapan beberapa kali atau mereka menghadapi kesukaran mengikuti perbualan bersama rakan-rakan; (3) individu mengadu bahawa mereka berasa tekanan dalam telinga; (4) seseorang yang sering perlu meninggikan bunyi televisyen; dan (5) seseorang yang menghadapi masalah keseimbangan dan bunyi berdesing dalam tempoh yang lama. Hal ini kerana organ pendengaran dan organ keseimbangan berada berdekatan antara satu sama lain dalam tubuh badan manusia.

Pengesanan dan rehabilitasi awal pendengaran penting bagi memastikan individu yang mempunyai masalah pendengaran dapat berdikari dan menjalani kehidupan seharian tanpa gangguan komunikasi serta menjejaskan prestasi kerja. Antara intervensi awal rehabilitasi pendengaran adalah penggunaan alat bantu pendengaran (ABP) yang sesuai, terapi bahasa dan pertuturan serta sokongan tambahan dalam pembelajaran, kerja mahupun komuniti.

Alat bantuan pendengaran (ABP) tidak dapat memulihkan masalah pendengaran tetapi alat bantuan pendengaran berfungsi menguatkan bunyi pertuturan dan persekitaran. Pemilihan ABP yang bersesuaian bergantung kepada beberapa faktor seperti tahap pendengaran berdasarkan keputusan ujian pendengaran, gaya hidup, jenis dan teknologi alat bantuan pendengaran, penampilan diri, status kewangan dan kos alat bantu pendengaran serta masalah kesihatan.

Jenis-jenis alat bantuan pendengaran termasuk (1) alat bantu dengar belakang telinga; (2) alat bantu dengar dalam telinga; (3) alat bantu dengar dalam saluran telinga.

Penilaian dan keputusan untuk menggunakan ABP selalunya dibuat oleh pesakit sendiri atas nasihat Audiologis dan Pakar Otorinolaringologi. Penggunaan ABP di satu telinga sahaja mungkin mencukupi tetapi penggunaan di kedua-dua telinga akan membantu memudahkan pendengaran di tempat bising serta mengenal pasti punca bunyi dengan lebih baik. Oleh itu, pemilihan ABP yang sesuai amat penting bagi membantu proses rehabilitasi pendengaran pesakit mencapai tahap optimum.

Penulis:
**NURSYAZA LIYANA MOHD ZAMRI & NUR ANNISA ROHAYA MD ZAKARIA BHUIYAN**
Pegawai Pemulihan Perubatan (Pendengaran)
Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) UiTM

# CAKNA MINDA: ITU & INI

Apakah teknik yang baik untuk meningkatkan kemahiran bahasa individu? Adakah tips ITU atau tips INI yang lebih berkesan? Jawapannya ialah terdapat beberapa situasi yang boleh dilihat dan dipilih mengikut kesesuaian. Antaranya, adakah bermain ITU lebih bagus atau belajar INI yang lebih baik? Adalah lebih baik, jika kita berupaya menggabungkan kedua-duanya iaitu belajar sambil bermain. Sebagai contoh, dengan menjadualkan aktiviti bermain, individu dapat memperoleh kemahiran berkomunikasi bukan sahaja dalam kaedah tidak formal, tapi juga secara berstruktur.

Komunikasi juga bukan sekadar tentang bercakap atau menyebut perkataan. Ramai orang menganggap yang bercakap INI satu skil, komunikasi ITU satu skil yang lain. Hakikatnya, komunikasi melibatkan pelbagai medium yang tidak terhad kepada bersuara sahaja tetapi juga melalui cara lain seperti gerak badan, mimik muka, aplikasi komunikasi di telefon bimbit, bahasa isyarat, buku komunikasi dan mesin komunikasi teknologi tinggi.

(a) (b)

*Rajah 8: (a) Sesi terapi pertuturan secara berkumpulan; (b) Pesakit menggunakan telefon bimbit sebagai Komunikai Gantian Bantuan (KGB)*

Dalam kehidupan harian, kita berinteraksi melalui pelbagai cara komunikasi. Ia boleh terjadi dengan melihat sekeliling kita ataupun mendengar cerita dari orang lain. Individu yang mampu memanfaatkan deria pendengaran dan visual dengan efisien cenderung untuk berkomunikasi dan berinteraksi secara lebih efektif. Mereka dapat mengurangkan gangguan komunikasi, lebih fokus, peka terhadap persekitaran, dan menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku.

Penulis:
**SHAFIAH ROSLI**
Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan)
Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) UiTM

# CAKNA MINDA: MITOS & FAKTA

**1. MITOS TERAPI MASALAH PERTUTURAN-BAHASA**

1.1 Hanya terapis dapat mengubah komunikasi anak saya
FAKTA: Ibu bapa memainkan peranan penting dalam mengembangkan kemahiran komunikasi anak setiap hari.

1.2 Tidak batuk semasa menelan=selamat
FAKTA: Batuk merupakan tindak balas pelindung dalam saluran pernafasan. Jika tidak batuk semasa menelan, seseorang mengalami kondisi yang dinamakan *silent aspiration*. Oleh itu, adalah penting untuk menjalani penilaian penelanan *instrumental* untuk memastikan minuman/makanan tidak masuk ke dalam saluran pernafasan.

1.3 Peranti Komunikasi Gantian Bantuan (KGB) menyebabkan anak saya tidak bercakap
FAKTA: Peranti KGB bukan sahaja mampu meningkatkan kebolehan komunikasi seseorang individu malah boleh membantu mereka mengembangkan kemahiran pertuturan yang lebih baik dengan menyediakan cara untuk berlatih dan mengukuhkan bunyi dan corak pertuturan.

**2. MITOS & FAKTA MASALAH PENDENGARAN**

2.1 Masalah pendengaran hanya terjadi kepada golongan yang berusia
FAKTA: Masalah pendengaran dalam kalangan warga emas berlaku secara semula jadi akibat proses penuaan. Namun, banyak kajian mendapati masalah pendengaran boleh terjadi kepada semua golongan usia. Ada bayi yang lahir dengan masalah pendengaran akibat faktor keturunan, jangkitan ketika dalam kandungan, kecacatan di muka dan telinga mahupun lain-lain perkara yang berkaitan.

2.2 Masalah pendengaran merupakan 'penyakit' genetik/keturunan
FAKTA: Kenyataan ini adalah kurang tepat kerana berdasarkan banyak kajian menunjukkan bahawa hanya 50% daripada punca masalah pendengaran kongenital (sejak lahir) adalah disebabkan oleh faktor genetik/keturunan. Antara faktor-faktor lain yang utama adalah terdapat komplikasi atau jangkitan semasa mengandung, semasa proses kelahiran dan semasa tempoh neonatal (umur 0-28 hari), kehadiran sindrom tertentu, pendedahan persekitaran kerja yang bising dan komplikasi penggunaan ubat yang berbahaya.

2.3 Orang pekak dianggap bisu
FAKTA: Masalah pendengaran mempunyai darjah keterukan tertentu, bermula dari tahap ringan, sederhana, teruk hingga ke sangat teruk. Penggunaan alat bantu pendengaran boleh membantu meningkatkan keupayaan pendengaran dan menguasai komunikasi pertuturan.

2.4 Alat bantu pendengaran: Ia mahal, besar, bising dan memalukan
FAKTA: Alat bantu pendengaran kini lebih selesa untuk digunakan kerana kemajuan teknologi digital telah berjaya menghasilkan sistem pemprosesan bunyi menjadi lebih baik serta jenis dan bentuk alat tersebut mengikut tahap pendengaran berbeza bagi setiap individu.

Penulis:
**SHAFIAH BINTI ROSLI**
Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan)
Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) UiTM

# RUJUKAN


American Speech-Language-Hearing Association. (n.d.). *New name announced for Better Hearing and Speech Month*. https://www.asha.org/news/2023/new-name-announced-for-better-hearing-and-speech-month/

Beukelman, D. R., and Light, J. C. (2020). *Augmentative & alternative communication: Supporting children and adults with complex communication needs*. Paul H. Brookes Publishing Co., Inc. https://brookespublishing.com/wp-content/uploads/2020/05/BeukelmanExcerpt0506-1.pdf

Codeblue. (2023, June 19). *Zaliha: Only 156 speech-language therapists in MOH.* https://codeblue.galencentre.Org/2023/06/23/Zaliha-only-156-speech-language-therapists-in-moh/

Cummings, L. (2023). Communication disorders: A complex population in healthcare. *Language and Health*, 1(2), 12–19. https://doi.org/10.1016/j.laheal.2023.06.005

Kementerian Kesihatan Malaysia. (2023, Oktober 28). *Hari Audiologis Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023, Dengar Sepanjang Hayat*. [Press release]. https://www.moh.gov.my/index.php/database_stores/store_view_page/21/2430?print=1

Iskandar Hailani. (2012, April 26). *Kurang pendengaran di kalangan dewasa (bukan dari lahir)*. http://www.myhealth.gov.my/en/hearing-impairment/

Hoppe, U., & Hesse, G. (2017). Hearing aids: Indications, technology, adaptation, and quality control. *GMS current topics in otorhinolaryngology, head and neck surgery, 16*, Doc08. https://doi.org/10.3205/cto000147

Izzah Rased. (n.d.). Komunikasi. http://izzahrased.weebly.com/komunikasi.html

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia. (2020).*Statistik Umum Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sehingga Ogos 2020*. https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/competent-person-form/occupational-health/dashboard/3701-statistik-umum-jabatan-keselamatan-dan-kesihatan-pekerjaan-sehingga-ogos-2020

Just One Norfolk. (n.d.). *Attention & Listening*. https://www.justonenorfolk.nhs.uk/speech-language/early-communication/attention-listening

Malaysian Association of Speech-Language & Hearing (n.d.). *Our history*. https://mash.org.my/our-history/

Malaysian National Society of Audiologists. (n.d.). *About MANSA*. https://mash.org.my/mashbhsm2024/

Miles, A. (2021, July 29). *Silent aspiration and cough reflex testing.* Dysphagia Cafe. https://dysphagiacafe.com/2015/04/30/silent-aspiration-cough-reflex-clinical-swallow-evaluation/

Myths & Facts. (n.d.). *What do you know about hearing.* https://www.hearing.org/myths-facts/

Myths about AAC. (n.d.). https://mind.org.my/article/myths-about-aac/

National University Hospital Singapore. (n.d.). *Acquired communication disorders*. https://www.nuh.com.sg/our-services/Specialties/Rehabilitation/Documents/2.%20Our%20Services/Specialized%20Speech%20Therapy%20Services/Our%20Services%20-%20Speech%20Therapy%20-%20Acquired%20Communication%20Disorders%20ST%2020-02-2020.pdf

Persatuan Patologis Pertuturan-Bahasa, Malaysia. (n.d.). *Mengenai kami*. https://persatuanspeak.com/about

# RUJUKAN

Rehabilitation, S. F. D. A. (2021, March 3). *World report on hearing*. https://www.who.int/publications/i/item/9789240020481

Sam, W. Y., Anita A. R.,and Hayati K. S., Haslinda A. & Lim C. S (2017). Prevalence of hearing loss and hearing impairment among small and medium enterprise workers in Selangor, Malaysia. *Sains Malaysiana, 46*(2), 267-274. https://doi.org/10.17576/jsm-2017-4602-11f

Sheppard S. M and Sebastian R. (2021). Diagnosing and managing post - stroke aphasia. *Expert Rev Neurother, 21*(2), 221-234. https://doi.org/10.1080/14737175.2020.1855976.

Shaker Place Rehabilitation & Nursing Center. (2023, June 27). *Speech therapy strategies to help improve communication.* https://www.shakerplace.org/news/speech-therapy-strategies-to-help-improve-communication/

# PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada pihak syarikat yang telah bekerjasama dalam menggerakkan sambutan Bulan Pertuturan, Bahasa dan Pendengaran Nasional di HASA pada tahun 2024.

NADI PERINTIS GLOBAL RESOURCES

GLOBAL PRECISION SALES AND SERVICE SDN BHD

PHARM-D SDN BHD

# TERIMA KASIH

## Disediakan oleh:

**UNIT PEMULIHAN PERTUTURAN**
Jabatan Perubatan Pemulihan

**UNIT PEMULIHAN AUDIOLOGI**
Jabatan Otorinolaringology Head and Neck Surgery (ORL-HNS)

**MEI 2024**